



Para pelajar akan dibimbing dalam mengeksplorasi dunia pengiklanan dan komunikasi dengan lebih mendalam.

Bengkel Eksplorasi bantu pelajar lepasan sekolah atasi kebingungan

PERNAHKAN anda menonton drama bersiri Lipstick Jungle? Pernahkah anda mengimpikan untuk melalui kehidupan yang penuh glamour, kerjaya yang menarik dan kehidupan yang mencabar seperti watak-watak dalam drama bersiri tersebut? Wendy, seorang filem eksekutif yang berjaya dan Nico, Ketua Pengarang untuk majalah fesyen terkemuka, dikelilingi oleh kehidupan yang setiap insan idamkan. Tetapi, sejauh manakah anda pasti bahawa itu adalah kerjaya yang tepat dan sesuai untuk anda?

Jawapannya ada di dalam Bengkel Eksplorasi (Adventure Workshop) yang dianjurkan oleh Kolej IACT. Bengkel ini dikhaskan untuk pelajar lepasan SPM/STPM/UEC 2009 yang mempunyai minat untuk menyambung pengajian mereka di dalam bidang kreatif. Bengkel ini akan meliputi pelbagai topik seperti Pengiklanan, Senireka Grafik, Multimedia Kreatif, Penyiaran, Komunikasi Pemasaran dan Komunikasi Massa.

Pelajar yang menyertai bengkel ini juga akan mendapat peluang melawat ke stesen-stesen penyiaran tempatan yang utama. Lawatan sambil belajar ini dirancang sejajar dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai dunia penyiaran dan bagaimana ia berhubung kait dengan pembikinan sebuah filem, produksi di belakang tabir dan sebagainya.

Bengkel ini yang akan dikendalikan oleh para pensyarah IACT yang terdiri daripada para tenaga pengajar yang profesional dan mempunyai pengalaman bertahun di dalam bidang pengiklanan dan komunikasi. Di dalam bengkel ini, para pensyarah akan menggunakan pendekatan menyeluruh bagi

memastikan setiap pelajar akan mendapat faedah baik dari aspek teori mahupun praktikal. Sama seperti kehidupan harian di IACT, pelajar IACT kerap mengamalkan falsafah pendidikan yang menjangkau dari yang didapati di dalam bilik kuliah.

Kolej IACT bermula di awal tahun 1970-an sebagai sebuah Jawatankuasa Pendidikan Bersama (JEC) bagi Malaysian Advertisers Association (MAA) dan Association of Accredited Advertising Agents Malaysia (4As) dan seterusnya berkembang maju menjadi sebuah institusi pendidikan sepenuhnya pada tahun 1993. Ditubuh dan diasaskan oleh MAA dan 4As, Kolej IACT mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang pendidikan dan latihan yang menjurus kepada bidang pengiklanan dan komunikasi.

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kolej IACT adalah Sijil Komunikasi Massa, Diploma Periklanan dan Komunikasi, Diploma Komunikasi Massa, Diploma Kreatif Multimedia, Diploma Senireka Grafik dan Diploma Penyiaran. Para graduan dalam kursus diploma akan mempunyai akses untuk menyambung ijazah mereka selama satu hingga satu setengah tahun di universiti - universiti yang bergabung dengan Kolej IACT di Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan United Kingdom.

Bengkel Eksplorasi yang dianjurkan oleh Kolej IACT akan diadakan pada 1, 2 dan 3 April 2010 di Kolej IACT, Jaya One.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web Kolej IACT di www.iact.edu.my atau hubungi 03-7956 0211. (Sila kunjungi Kolej IACT yang dibuka setiap hari Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi - 6.00 petang dan Sabtu, 9.00 pagi - 1.00 petang)



Di IACT, hasil seni para pelajar akan dipamerkan di Galeri untuk memberi penghargaan kepada hasil seni karya anak-anak kreatif.